

KERATAN AKHBAR

Kos Taska, Tadika punca beban kewangan

Taska bakal ditambah

Kemudahan dipertingkatkan terutama di jabatan kerajaan: TPM

Oleh Luqman Arif Abdul, Muhammad Mustakim Ramli Karim, Azzman Abdul Jamal dan Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Kerajaan akan menambah dan mempertingkatkan kemudahan Taska, terutama di jabatan kerajaan bagi memastikan ibu bapa mudah mendapatkan perkhidmatan penjagaan anak, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, berkata langkah itu sebagai usaha membantu ibu bapa, terutama pasangan muda yang menghadapi kesukaran dari segi kewangan untuk menghantar mereka ke pusat penjagaan anak.

“Kementerian akan memperbaiki dan mempertingkatkan kemudahan Taska, terutama di jabatan kerajaan bagi membantu ibu bapa atau penjaga khususnya kakitangan kerajaan mendapatkan perkhidmatan penjagaan anak,” katanya kepada *BH* selepas menutup Program Temurapat Majlis Pimpinan Pusat PKR di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan *BH* semalam mengenai pasangan ibu bapa muda sentiasa berada dalam dilema, setiap kali memikirkan tempat asuhan dan Tadika yang menawarkan caj berpatutan dengan kemampuan kewangan mereka.

Demi mendapatkan khidmat terbaik untuk anak, ibu bapa sanggup berkorban termasuk ‘mengikat perut’ serta melakukan kerja sambilan bagi memastikan peruntukkan mencukupi.

Malah, kos penjagaan dan pendidikan awal anak yang tinggi dikesan antara penyumbang beban kewangan pasangan muda berusia antara 20 hingga 40 tahun hingga ramai terjerat masalah hutang, memaksa mereka mendapatkan bantuan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).



Rina Harun

Di Alor Setar, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun, berkata silibus pembelajaran di Tadika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) adalah bagus dan sentiasa ditambah baik, malah menerima pengiktirafan daripada Majalah Antarabangsa, *Reader Digest* pada 2017.

Katanya, pembelajaran Tabika mempunyai modul pendidikan Sains, Teknologi, Agama, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STREAM) yang dilancarkan pada Oktober tahun lalu.

“Program ini memberi kanak-kanak peluang belajar dan mengaplikasikan dalam keadaan sebenar seperti Tadika Kemas di Melaka kita ada *aerospace*, di

Wilayah Persekutuan kita ada robotik dan ini memberi peluang kepada kanak-kanak berfikir,” katanya kepada pemberita selepas melawat Prowheels (M) Sdn Bhd di Kubang Rotan di sini.

Beliau mengulas dakwaan kononnya silibus Tadika KEMAS kurang bermutu hingga ada ibu bapa termasuk dalam kalangan B40 memilih menghantar anak ke Tadika swasta, sekali gus menyebabkan mereka terpaksa menanggung beban kewangan.

Mengulas lanjut, Rina berkata, ibu bapa yang menentukan sama ada mahu menghantar anak mereka ke Tadika swasta atau Tabika KEMAS.

“Tadika KEMAS ada di bandar, tetapi kita lebih khusus di luar bandar. Di bandar semua sudah penuh.

“Bagi membantu ibu bapa di bandar, kita perkenalkan Tadika KEMAS transit pada tahun lalu dan sehingga kini kita sudah mempunyai 66 cawangan.

“Tadika KEMAS transit mendapat sambutan menggalakkan dan kita tidak menolak kemungkinan untuk menambah jumlahnya pada masa akan datang,” katanya.

KETERANGAN AKHBAR